



KENYATAAN MEDIA MENTERI EKONOMI

PANGKALAN DATA UTAMA (PADU) DIBANGUNKAN SEPENUHNYA OLEH PENJAWAT AWAM TANPA PENGLIBATAN PIHAK KETIGA

Saya mengambil maklum siaran sosial media oleh stesen radio BFM89.9 mengenai Dr. Cher Han Lau, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Accio Technologies, yang mendakwa bahawa syarikat beliau terlibat dengan proses pembangunan PADU.

Setelah semakan dilakukan dengan pasukan di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), saya boleh mengesahkan bahawa dakwaan oleh Dr. Cher adalah tidak benar.

Pasukan Analitik PADU telah menjemput Dr. Cher hanya dalam kapasiti peningkatan kemahiran sumber manusia (*upskilling*) dalam sains data berdasarkan keupayaan beliau dalam pembangunan data raya (*big data*) dan *machine learning*.

Proses pembangunan PADU, pengumpulan atau pembersihan data PADU tidak melibatkan beliau ataupun sesiapa daripada syarikat beliau.

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa PADU dibangunkan sepenuhnya oleh penjawat awam tanpa penglibatan mana-mana pihak ketiga.

RAFIZI RAMLI
9 JANUARI 2024